



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel : 06-233 2261 Faks : 06-233 2277
Email : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI



Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.02/10.12/3/2 (7)

Rujukan Tuan (Your Ref.) :

22 Oktober 2007
10 Syawal 1428

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 4/2007

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Ayer Keroh, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Y. Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN PERATURAN TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y. Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Merujuk kepada kertas kerja Bilangan 76/2007 Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil 8/2007, mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan perubahan kepada peraturan tuntutan elaun lebih masa.

Berdasarkan kepada para 5.3 Pekeliling Bendahari Bil. 4/2001, staf adalah dibenarkan untuk membuat tuntutan elaun lebih masa bagi tempoh maksimum 3 bulan. Selepas pelaksanaan selama 6 tahun, didapati tempoh ini wajar dikaji semula dan majlis eksekutif telah bersetuju, staf adalah dimohon untuk membuat tuntutan elaun lebih masa setiap bulan.

Bagi pelaksanaan kepada perubahan ini, staf adalah dimohon untuk membuat tuntutan elaun lebih masa bagi tempoh 1 Ogos 2007 sehingga 31 Oktober 2007 untuk pembayaran gaji November 2007. Manakala bagi pembayaran gaji Disember, permohonan tuntutan adalah bagi tempoh 1 September 2007 sehingga 31 Oktober 2007.

Mulai pembayaran gaji Januari 2008, semua permohonan adalah hanya merangkumi bayaran untuk tuntutan kerja lebih masa yang dilakukan pada 1 November 2007 sehingga 30 November 2007.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada staf yang tidak menepati tempoh tersebut dan permohonan telah disokong oleh Ketua PTJ serta mempunyai alasan yang munasabah pembayaran adalah tertakluk kepada pertimbangan Pejabat Bendahari.

Dengan ini para 5.3, Pekeliling Bendahari Bil. 4/2001 adalah dipinda. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh di atas dan hendaklah dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil 4/2001.

Sekian, *Wassalam*.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Yang benar,

KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Prof Dr. Abu bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y. Bhg. Datuk Prof Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)